



Headline: Doktor rugi RM92,800 terpedaya helah Language: Malay
'pegawai LHDN'

Publication/Portal: Berita Harian

Date: 25 June 2020

Section: Nasional

Page: 17

Doktor rugi RM92,800 terpedaya helah 'pegawai LHDN'

Seremban: Seorang doktor berusia 28 tahun kerugian RM92,800 dipercayai diperdaya sindiket Macau Scam yang menyamar sebagai pegawai Lemba Hasil Dalam Negeri (LHDN), kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial, Ibu Pejabat Polis Kontinen (IPK) Negeri Sembilan, Superintendant Aibee Ab Ghani, berkata doktor hospital kerajaan itu menerima panggilan daripada 'pegawai LHDN' berkenaan ketika sedang bertugas.

"Lelaki berkenaan mendakwa mangsa mempunyai tunggakan cukai sebanyak RM38,000 dan panggilan telefon itu kemudian disambungkan ke IPK Pahang.

"Seorang lelaki yang mendakwa pegawai polis memaklumkan mangsa terbabit dengan kes jenayah membabitkan senjata api, pengubahan wang haram dan juga dadah.

"Dia (mangsa) diminta memindahkan wang ke dalam akaun yang diberikan, bagi tujuan semakan di bawah Akta Pengubahan Wang Haram (AMLA)," katanya.

Aibee berkata, mangsa kemudian memindahkan sejumlah wang beberapa kali ke dalam akaun berbeza yang diberikan sindiket berkenaan dengan keseluruhannya berjumlah RM92,800.

Mangsa hanya menyedari dia ditipu sindiket berkenaan selepas membuat semakan mengenai kejadian penipuan Macau Scam di internet.

Aibee berkata, semakin ramai orang awam menjadi mangsa sindiket Macau Scam dan perkara itu menunjukkan mereka semakin aktif memperdayakan mangsa.